



**GARIS PANDUAN MEMOHON KELULUSAN
PROJEK ICT BAGI JABATAN/AGENSI DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	TUJUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1
3.	TAKRIFAN PROJEK ICT	3
4.	PENUBUHAN JAWATANKUASA	4
5.	SKOP TANGGUNG JAWAB JAWATANKUASA	8
6.	SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN PERAKUAN JKTICTNS DAN KELULUSAN JPICTNS	8
7.	HAD NILAI PROJEK	11
8.	TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK ICT	12
9.	PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK	13
10.	TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICTNS	14
11.	PENUTUP	14
12.	TARIKH KUATKUASA	15
13.	Lampiran A	i - iv
14.	Lampiran B	v
15.	Lampiran C	vi

**GARIS PANDUAN MEMOHON KELULUSAN PROJEK ICT BAGI
JABATAN/AGENSI DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN**

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tatacara memohon kelulusan perolehan projek ICT yang merangkumi perolehan sistem aplikasi, sistem rangkaian dan keselamatan, perkakasan, perisian, perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perunding ICT yang perlu dipatuhi oleh semua jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

- 1.2. Garis panduan ini mengandungi perkara-perkara berikut:
 - 1.2.1. Latar belakang;
 - 1.2.2. Takrifan projek ICT;
 - 1.2.3. Penubuhan jawatankuasa;
 - 1.2.4. Skop tanggung jawab jawatankuasa;
 - 1.2.5. Skop projek ICT yang memerlukan perakuan JKTICTNS dan kelulusan JPICTNS;
 - 1.2.6. Had nilai projek ICT yang memerlukan kelulusan JPICTNS;
 - 1.2.7. Tatacara permohonan projek ICT;
 - 1.2.8. Pelaporan kemajuan projek;
 - 1.2.9. Tempoh sah laku kelulusan JPICTNS; dan
 - 1.2.10. Tarikh Kuat kuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan pelaksanaan Projek Smarter Negeri Sembilan (SmarterNS) melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 5 Mac 2014.

- 2.2. SmarterNS merupakan inisiatif Kerajaan Negeri terhadap pelaksanaan projek-projek ICT yang melibatkan jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.
- 2.3. Projek ini bertujuan untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri ke arah penyediaan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat secara *online* selaras dengan Visi ICT Kerajaan Negeri Sembilan 'Menjadi Negeri yang dihubungkan Secara Elektronik Sepenuhnya pada Tahun 2020'.
- 2.4. Skop pelaksanaan SmarterNS merangkumi pemasangan infrastruktur dan keselamatan, pembangunan sistem aplikasi, portal dan *dashboard*. Penerangan skop pelaksanaan adalah seperti berikut :

- 2.4.1. Infrastruktur dan Keselamatan

Pelaksanaan Infrastruktur dan Keselamatan merangkumi pembangunan Pusat Data, Sistem Rangkaian dan Keselamatan ICT.

- 2.4.2. Sistem Aplikasi

Pembangunan sistem aplikasi merangkumi integrasi sistem-sistem aplikasi sedia ada di jabatan/agensi dan pembangunan sistem aplikasi baharu.

- 2.4.3. Portal

Pembangunan Gerbang Utama (*Single Gateway*) perkhidmatan setempat untuk memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kerajaan. Pembangunan gerbang ini memerlukan integrasi sistem-

sistem aplikasi di semua jabatan/agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

2.4.4. *Dashboard*

Pembangunan Gerbang Maklumat Eksekutif (*Executive Information Gateway*)/*Dashboard* untuk memudahkan Pengurusan Tertinggi Kerajaan Negeri membuat keputusan. Gerbang ini mengambil data-data daripada sistem-sistem aplikasi di semua jabatan/agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

- 2.5. Skop pelaksanaan ini adalah berdasarkan kepada lapan (8) bidang utama (*focus area*) iaitu Pendidikan, Pertanian, Pelancongan, Pelaburan, Kebajikan Sosial, Jenayah dan Keselamatan, Kutipan Cukai dan Pemantauan Projek.
- 2.6. Sebarang pelaksanaan projek-projek ICT semua jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan mestilah selari dengan skop pelaksanaan SmarterNS.

3. **TAKRIFAN PROJEK ICT**

Takrifan Projek ICT ialah projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan jenis-jenis projek ICT berikut:

- 3.1. Kajian ICT;
- 3.2. Perancangan strategik ICT;
- 3.3. Pembangunan sistem aplikasi;
- 3.4. Perolehan perkakasan dan perisian komputer;
- 3.5. Peningkatan sistem ICT;
- 3.6. Perluasan sistem ICT; dan
- 3.7. Pematuhan dan pengukuhan ICT.

4. PENUBUHAN JAWATANKUASA

4.1. Jawatankuasa di peringkat negeri yang terlibat secara langsung terhadap pelaksanaan projek-projek ICT di jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ialah Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Sembilan (JKTICTNS) dan Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan (JPICTNS).

4.2. JKTICTNS ialah jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menimbang dan memperakukan permohonan daripada jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

4.2.1. Keahlian dan terma rujukan JKTICTNS adalah seperti berikut :

a) Pengerusi:

Pengarah, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat(UPTM),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS)

b) Ahli-ahli:

- i. Timbalan Pengarah UPTM, PSUKNS;
- ii. Pegawai Teknologi Maklumat, PSUKNS;
- iii. Pengurus ICT jabatan-jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan;
- iv. Pengurus ICT Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Sembilan;
dan
- v. Pengurus ICT Badan Berkanun Negeri, Negeri Sembilan.

c) Urus Setia

Seksyen Multimedia Korporat dan Koordinasi ICT, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, PSUKNS.

d) Bidang Tugas

- i. Memastikan permohonan projek-projek ICT jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan adalah selaras dengan Pelan Strategik ICT Negeri Sembilan;
- ii. Memastikan permohonan projek-projek ICT mematuhi dasar, garis panduan dan peraturan-peraturan Kerajaan Negeri / Kerajaan Persekutuan yang sedang berkuat kuasa;
- iii. Menggalakkan perkongsian pintar dalam bidang ICT di kalangan perkhidmatan jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri;
- iv. Memastikan aspek-aspek keselamatan ICT diambil kira dalam permohonan projek-projek ICT;
- v. Menyemak dan memastikan spesifikasi teknikal memenuhi keperluan projek dan menggunakan teknologi yang bersesuaian;
- vi. Mempertimbangkan dan memperakukan permohonan perolehan projek-projek ICT jabatan dan agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan termasuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan

- vii. Memperakukan permohonan projek-projek ICT kepada Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan untuk kelulusan.

- 4.3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Sembilan(JPICTNS) untuk menyelaras dan meluluskan permohonan projek ICT bagi jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

- 4.4. Jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT sendiri bagi menyelaras permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing.
 - 4.4.1. Keahlian dan terma rujukan JPICTNS adalah seperti berikut :
 - a) Pengerusi: YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

 - b) Ahli-ahli
 - i. Pegawai Kewangan Negeri
 - ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
 - iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)/Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer-CIO*) Kerajaan Negeri Sembilan
 - iv. Ketua-ketua Jabatan Teknikal Negeri
 - v. Pengurus ICT Negeri
 - vi. Pegawai Keselamatan ICT Negeri
 - vii. Perunding ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
 - viii. Pengarah ICT, Pusat Data Negara dan Inovasi(NADI), ICU Jabatan Perdana Menteri

ix. Wakil Pegawai ICT (MAMPU)

c) Urus Setia

Seksyen Multimedia Korporat dan Koordinasi ICT, Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, PSUKNS.

d) Bidang Tugas

- i. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Kerajaan Negeri;
- ii. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT jabatan/agensi;
- iii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program/projek-projek ICT jabatan/agensi Kerajaan Negeri Sembilan supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri;
- iv. Menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan ICT antara jabatan/agensi Kerajaan Negeri Sembilan dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam;
- v. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek-projek ICT antara semua jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri;
- vi. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

- vii. Memantau perkembangan program ICT jabatan/agensi Kerajaan Negeri serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;
- viii. Meluluskan perolehan ICT bagi jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan berdasarkan keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- ix. Menyelaras pelaksanaan program-program merapatkan jurang digital peringkat negeri.

5. SKOP TANGGUNG JAWAB JAWATANKUASA

- 5.1. Semua permohonan projek ICT akan dipertimbang dan diperakukan oleh JKTICTNS terlebih dahulu sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat JPICTNS untuk kelulusan.
- 5.2. Projek-projek ICT di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri juga perlu melalui proses yang sama walaupun menggunakan peruntukan sendiri supaya penyelarasan boleh dilakukan di peringkat negeri.
- 5.3. Pelaksanaan inisiatif Kerajaan Persekutuan di peringkat negeri perlu dibentangkan di dalam Mesyuarat JKTICTNS terlebih dahulu sebelum dimaklumkan kepada JPICTNS untuk pertimbangan.

6. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN PERAKUAN JKTICTNS DAN KELULUSAN JPICTNS

- 6.1. Skop projek ICT yang perlu mendapat perakuan JKTICTNS dan kelulusan JPICTNS adalah seperti berikut:

6.1.1. Projek Baru

Projek baru bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti-aktiviti perolehan perkakasan, perisian dan/atau perkhidmatan ICT untuk membangunkan projek ICT jabatan/agensi.

a) Pembangunan Sistem Aplikasi

Pembangunan sistem aplikasi bermaksud sistem aplikasi yang dibangunkan menggunakan perisian pembangunan atau pakej sedia ada (*off-the-shelf*) untuk kegunaan tertentu (contoh: Sistem Perakaunan, Sistem Personel dan Sistem Pengurusan Inventori).

b) Perkakasan Komputer

Perkakasan komputer merangkumi semua jenis alat-alat *input/output* (contoh: pencetak dan pengimbas), pemprosesan, storan data, peralatan rangkaian dan multimedia (contoh: persidangan video) kecuali alat-alat seperti komponen alat ganti, barang pakai habis (*consumable item*), aksesori dan perabot komputer.

c) Perisian Komputer

Perisian komputer merangkumi semua jenis perisian sistem dan perisian aplikasi. Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi atau automasi pejabat ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian.

d) Perkhidmatan ICT

- i. Perkhidmatan ICT merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperoleh daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh-contoh perkhidmatan teknikal ialah pembangunan sistem, pemasangan sistem, infrastruktur rangkaian, talian Internet, *web hosting*, kemasukan data, pemindahan data, migrasi sistem, pemulihan data, langganan maklumat atas talian dan seumpamanya.
- ii. Perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1995 bertajuk Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2006 bertajuk Had Kuasa Agensi Bagi Melantik Perunding. Walau bagaimanapun perkhidmatan perunding memerlukan perakuan JKTICTNS dan kelulusan JPICNTS.
- iii. Perkhidmatan penyelenggaraan bagi semua jenis perolehan ICT.
- iv. Perkhidmatan ICT yang memerlukan pelanjutan seperti langganan maklumat atas talian, talian Internet dan *web hosting* yang tiada perubahan kepada skop asal tidak perlu memohon perakuan JKTICTNS dan kelulusan JPICNTS bagi perkhidmatan seterusnya.

e) Peningkatan Sistem

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh adalah seperti peningkatan perkakasan daripada segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi-fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz jalur lebar (*bandwidth*) serta peluasan rangkaian, pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

f) Penambahan Peralatan

Pertambahan peralatan bermaksud menambah bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

g) Peluasan Sistem

Peluasan (*roll-out*) sistem bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

7. HAD NILAI PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN PERAKUAN JKTICTNS DAN KELULUSAN JPICTNS

7.1. Had nilai projek yang memerlukan perakuan JKTICTNS dan kelulusan JPICTNS adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	HAD NILAI
1.	Perolehan pembangunan sistem aplikasi, rangkaian dan keselamatan	Tiada had
2.	Perolehan yang tidak melibatkan pembangunan sistem aplikasi, rangkaian dan keselamatan: a) Perkakasan ICT b) Perisian ICT	Minimum : RM100,000
3.	Perkhidmatan ICT: a) Perkhidmatan perunding b) Perkhidmatan penyelenggaraan	Minimum : RM100,000
4.	Peningkatan Sistem	Tiada had
5.	Peluasan Sistem	Tiada had

8. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK ICT

- 8.1. Perlu diingatkan bahawa jabatan/agensi hendaklah memastikan agar mekanisme pemantauan pelaksanaan perolehan ICT diperkemas supaya perolehan yang dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar dan perbelanjaan dibuat secara berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan perolehan semasa yang berkaitan.
- 8.2. Bagi jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, semua permohonan perolehan ICT perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu ICT di peringkat jabatan/agensi atau mesyuarat pengurusan

masing-masing terlebih dahulu sebelum dibentangkan ke dalam JKTICTNS dan JPICTNS.

- 8.3. Semua perolehan ICT hendaklah berdasarkan kepada Pelan Strategik ICT (ISP) agensi masing-masing. JKTICTNS dan JPICTNS akan memberi keutamaan kepada projek ICT yang telah dirancang di dalam ISP.
- 8.4. Jabatan/agensi Kerajaan Negeri Sembilan yang bercadang untuk membangun/memperoleh aplikasi baru hendaklah menyemak dan mematuhi langkah-langkah yang ditetapkan oleh Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1999 - Pelaksanaan Perkongsian Pintar Antara Agensi-agensi Kerajaan Dalam Bidang Teknologi Maklumat.
- 8.5. Semua projek ICT jabatan/agensi Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan JKTICTNS dan JPICTNS berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini sebelum proses perolehan dilaksanakan.
- 8.6. Format kertas permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

9. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK

- 9.1. Untuk projek-projek yang diluluskan ataupun tidak memerlukan kelulusan JPICTNS, jabatan/agensi perlu mengemukakan laporan kemajuan kepada JKTICTNS dan seterusnya dipanjangkan kepada JPICTNS melalui jabatan/agensi masing-masing setiap tiga (3) bulan daripada tarikh kelulusan sehingga projek selesai, mengikut format yang ditetapkan oleh Urus Setia JKTICTNS.

9.2. Kekekapan pelaporan kepada JKTICTNS ialah sebanyak empat (4) kali setahun iaitu pada suku pertama, suku kedua, suku ketiga dan akhir tahun seperti berikut:

9.2.1. Laporan kelulusan perolehan ICT bagi suku tahun pertama (Januari hingga Mac) hendaklah diterima oleh Urus Setia JKTICTNS selewat-lewatnya pada 30 April tahun semasa.

9.2.2. Laporan kelulusan perolehan ICT bagi suku tahun kedua (April hingga Jun) hendaklah diterima oleh Urus Setia JKTICTNS selewat-lewatnya pada 31 Julai tahun semasa.

9.2.3. Laporan kelulusan perolehan ICT bagi suku tahun ketiga (Julai hingga September) hendaklah diterima oleh Urus Setia JKTICTNS selewat-lewatnya pada 31 Oktober tahun semasa.

9.2.4. Laporan kelulusan perolehan ICT bagi suku tahun keempat (Oktober hingga Disember) hendaklah diterima oleh Urus Setia JKTICTNS selewat-lewatnya pada 31 Januari tahun berikutnya.

9.2.5. Format pelaporan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

10. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICTNS

10.1. Tempoh sah laku kelulusan perolehan ICT yang dikeluarkan oleh JPICTNS ialah dua (2) tahun daripada tarikh surat kelulusan.

10.2. Format ulasan urus setia adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

11. PENUTUP

11.1. Semua jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah menerima pakai dan mematuhi garis panduan ini bagi setiap pelaksanaan projek ICT di jabatan/agensi masing-masing.

11.2. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai garis panduan ini, jabatan/agensi boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan merujuk kepada:

Pengarah
Unit Pengurusan Teknologi Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

No. Tel : 06-7659720

12. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

FORMAT KERTAS PERMOHONAN KELULUSAN PROJEK ICT

Permohonan yang dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan dalam format kertas permohonan seperti di bawah :

1. Tujuan kertas kerja
2. Nyatakan sama ada permohonan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT peringkat jabatan/agensi atau Mesyuarat Pengurusan jabatan/agensi. (Sertakan dokumen sokongan seperti surat kelulusan atau pun minit mesyuarat).
3. Peranan dan fungsi utama organisasi dan kaitannya dengan perolehan ICT yang dicadangkan. Terangkan bagaimana projek ICT dapat menyumbang kepada Bisnes Teras (*Core Business*) jabatan/agensi.
4. Nyatakan sama ada projek yang dipohon terkandung di dalam Pelan Strategik ICT (ISP) jabatan/agensi.
5. Jika tiada, nyatakan sebabnya:
 - a) Maklumat Pelan Strategik ICT
 - b) Status ISP (Dalam Perancangan/Penyediaan/Belum Bermula)
 - c) Tarikh Dijangka Siap
6. Arah tuju dan status semasa program ICT
7. Sumber ICT sedia ada
 - a) Perkakasan
 - b) Perisian
 - c) Infrastruktur Rangkaian dan Keselamatan

- d) Sistem aplikasi yang digunakan
- e) Jumlah personel ICT termasuk kekosongan

8. Rasional yang membawa kepada cadangan projek ICT

- a) Keperluan baru, peluasan (*roll-out*) atau memperbaiki proses atau perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi. (Sertakan penerangan mengenai proses yang terlibat)
- b) Masalah perkakasan
- c) Masalah perisian
- d) Masalah/kekurangan sistem aplikasi/rangkaian/keselamatan
- e) Masalah penyelenggaraan

9. Cadangan Projek ICT

- a) Keterangan projek/cadangan penyelesaian
 - i. Nama
 - ii. Objektif
 - iii. Fungsi
 - iv. Tempoh
 - v. Gambar rajah projek yang dicadangkan mengikut kesesuaian
- b) Perolehan yang dicadangkan (Rujuk **Jadual A1**)

Agensi hendaklah mengambil kira keperluan daripada segi pengagihan sebenar perkakasan seperti PC, *notebook*, pencetak dan lain-lain untuk mengelakkan pembaziran.

- c) Pelan Pelaksanaan
 - i. Jadual Pelaksanaan

Jadual pelaksanaan disediakan dalam bentuk Carta *Gantt* dan mengandungi perincian bagi setiap fasa dan komponen berserta dengan anggaran tempoh mengikut minggu/bulan. Jadual tersebut juga perlu memasukkan komponen bagi perekaayaan proses (*process reengineering*), pengurusan perubahan (*change management*) dan pemindahan teknologi (*transfer of technology*) jika berkaitan.

- ii. Aspek-aspek keselamatan ICT.
 - iii. Kaedah pelaksanaan (menggunakan sumber dalaman ataupun perkhidmatan pihak luar).
- d) Anggaran kos dan sumber peruntukan untuk membiayai projek dan pecahan kos mengikut butiran.
10. Faedah jangka pendek dan jangka panjang projek ICT yang dicadangkan. (Nyatakan petunjuk-petunjuk prestasi atau *deliverables* yang dijangka akan dicapai, jika sesuai)
11. Maklumat Pegawai Untuk Dihubungi
- a) Nama Pegawai Penyelaras
 - b) Jawatan
 - c) Gred Jawatan
 - d) No. Telefon
 - e) No. Faks
 - f) Alamat e-mel.

SENARAI PEROLEHAN ICT YANG DICADANGKAN

Tajuk Permohonan:

BIL	ITEM	JUMLAH UNIT DIPERLUKAN [a]	ANGGARAN KOS SEUNIT (RM) [b]	JUMLAH KOS (RM) [c] = [a]x[b]
A	PERKAKASAN			
B	PERISIAN SISTEM			
C	PERISIAN APLIKASI			
D	RANGKAIAN DAN KESELAMATAN			
E	PERKHIDMATAN			
F	LAIN-LAIN			
JUMLAH				

**FORMAT LAPORAN PELAKSANAAN DAN KEMAJUAN PROJEK ICT JABATAN/AGENSI
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Nama Jabatan/Agensi :

Bil.	Nama Jabatan/Agensi	Nama Projek	Skop Projek	Senarai Perolehan	Tujuan Perolehan	Kos Projek (RM)	Tarikh Kelulusan JPICTNS	Tempoh Pelaksanaan			Status Semasa
								(bulan/tahun)	Tarikh		
									Mula	Siap	
				(Rujuk Jadual A1)							

FORMAT ULASAN JPICTNS

<TAJUK PERMOHONAN>

KERTAS ULASAN

(Disediakan oleh Urus Setia)

Tajuk Permohonan :

Nama Jabatan/Agensi :

A. LATARBELAKANG PENGKOMPUTERAN JABATAN/AGENSI

1. Tujuan Permohonan :

Bil	Projek	Kos (RM)	Pelan Tindakan
1.	Perolehan perkakasan, perisian dan perkhidmatan adalah seperti berikut: i. Perkakasan ii. Perisian iii. Perkhidmatan		
Jumlah Kos			

- (Nyatakan ringkasan latar belakang permohonan yang dikemukakan)

2. Rasional yang membawa kepada cadangan projek ICT:

(Ringkasan rasional yang memerlukan kepada cadangan projek)

3. Status Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM/ISP):

(Ada/Tiada/Sedang disediakan. Jika disediakan nyatakan tempoh PSTM/ISP dijangka siap)

4. Rujukan Sumber ICT sedia ada di Kertas Permohonan:

B. CADANGAN PEROLEHAN

5. Perkakasan dan perisian yang dicadangkan untuk diperoleh adalah seperti berikut:

BIL	ITEM	JUMLAH UNIT DIPERLUKAN [a]	ANGGARAN KOS SEUNIT (RM) [b]	JUMLAH KOS (RM) [c] = [a]x[b]
A	PERKAKASAN			
B	PERISIAN SISTEM			
C	PERISIAN APLIKASI			
D	RANGKAIAN			
E	PERKHIDMATAN			
F	LAIN-LAIN			
JUMLAH				

6. Pelan Pelaksanaan :

(Nyatakan tempoh pelaksanaan projek)

7. Peruntukan :

(Nyatakan peruntukan yang disediakan sama ada peruntukan mengurus atau peruntukan pembangunan)

8. Ulasan Urus Setia:

(Nyatakan ulasan-ulasan urus setia berkaitan projek yang dipohon)